



KLIK DENGAN BIJAK

Disediakan oleh: 'Arifah Nadiah Che Zainol Ariff



Cik Noor Asma menerangkan apa itu klik dengan bijak.

Sempena Majlis Perpisahan Noor Asma Bt Akhir, satu perkongsian ilmu bertajuk "Klik dengan Bijak" telah diadakan pada 29 Mac 2016.

"Klik Dengan Bijak" merupakan satu program yang membudayakan penggunaan internet secara positif berdasarkan tiga aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab.

Ketiga-tiga aspek ini menitikberatkan bagaimana kita mengawal selia kendiri (*self-regulation*) dalam mengatasi masalah penyalahgunaan internet.

Noor Asma mengambil satu contoh klik dengan bijak dengan memilih tajuk "*Buli Siber*". Pembulian siber adalah perkara-perkara bertulis atau dalam bentuk gambar yang dipaparkan di alam siber bagi tujuan menghina atau memperlekehkan orang lain. Ia dihantar melalui e-mel, laman sembang (chat), laman sesawang dan apa juu aplikasi (*apps*) komunikasi atas talian yang lain.

Beliau turut berkongsi video yang memaparkan apa itu buli siber. Hal yang demikian sedikit sebanyak dapat memberi kesedaran kepada kita semua yang hadir.

Untuk maklumat lanjut sila layari web Klik Dengan Bijak di
[http://](http://www.klikdengenbijak.com)

Kalau ada sumur diladang,
 Boleh saya menumpang mandi.
 Kalau ada umur yang panjang,
 Boleh kita berjumpa lagi.



Antara staf yang hadir



Sesi penyampaian cenderahati oleh Encik Dzull